

KKBS
30 DEC 1985
Bantu

majukan
B. Harian (M)
silat

PC K. CAE - SILAT.
KEMENTERIAN Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memberi sokongan penuh termasuk sokongan moral dan kebendaan untuk meningkatkan lagi mutu silat olahraga negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan, Haji Awang Jabbar, berkata langkah ini perlu di samping memperkenalkan warisan Melayu kepada negara asing, silat olahraga menjadi alat berkesan untuk mewujudkan perpaduan di kalangan orang Melayu.

Silat olahraga juga katanya, boleh mencegah merebaknya pengaruh anti perpaduan dan anti-Islam yang sedang disebarkan oleh satu golongan yang putus asa.

Haji Awang berkata demikian di majlis penutup kejayaan silat olahraga kebangsaan kedua, di Tapian Gelanggang, di sini petang semalam.

Kementerian sedar bahawa seni silat perlu diberi pendedahan lebih lanjut, lebih-lebih lagi minat terhadap tradisi lama itu semakin meningkat di kalangan bukan Melayu.